

Kurikulum Seni Silat Malaysia Serta Sumbangannya kepada Warisan dan Tamadun Melayu

Dr. Mohamad Nizam Mohamed Shapie

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
nizam7907@salam.uitm.edu.my

Mohd Shahiid Elias

Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia
admin@senigayungfatani.com

Datin Dr. Sarimah Ismail

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
sarim375@salam.uitm.edu.my

Norlizah Abdul Hamid

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
norli144@salam.uitm.edu.my

ABSTRAK

Silat merupakan seni mempertahankan diri orang Melayu yang digunakan sebagai ilmu pertarungan yang telah disusun menjadi ilmu seni perang Melayu tradisi. Ilmu ini diamalkan seiring dengan warisan yang lain seperti bahasa, adat istiadat, kesenian, kesusasteraan, permainan, busana, pertukangan, pelayaran, senjata, petua lain-lain lagi. Apabila institusi di raja tidak lagi menaungi para pahlawan dan orang perang, maka institusi seni perang Melayu tradisi telah bertukar peranan sebagai ilmu seni bela diri kepada orang-orang Melayu yang mana secara tidak langsung membentuk jati diri bangsa Melayu. Walaupun penulisan ilmiah ilmu PERSILATan tidak pernah ditemui, namun melalui karya sastera dan sejarah tamadun Melayu menunjukkan bahawa ilmu perang tradisi ini menggambarkan peranan para pahlawan yang mahir bersilat. Pada tahun 2006 Silat telah diiktiraf sebagai Ilmu Seni Bela Diri Rasmi Malaysia dan tersenarai dalam Akta Warisan Negara. Silat Melayu iaitu silat asli tempatan versi Malaysia telah berkembang kepada beberapa kumpulan yang diperturunkan secara tidak seragam. Manakala terdapat juga ilmu seni mempertahankan diri kaum pribumi yang masih diamalkan di kalangan kaum masing-masing. Kaedah pendidikan silat Melayu tradisi menggunakan gelanggang bangsal semakin kurang diamalkan disebabkan perkembangan silat di bandar-bandar yang menggunakan lapangan, dewan, kelab atau bangunan. Kaedah pendidikan silat moden wajar menggunakan satu Kurikulum Silat lengkap dengan sukatan dan rancangan pelajaran silat yang dapat membantu para guru dan jurulatih melaksanakan pengajaran dan pembelajaran silat serta ujian penilaian yang setara dan telus. Keseragaman perkhidmatan pendidikan silat memudahkan pengurusan ilmu dan masa depan silat, di samping membantu para guru, jurulatih dan pesilat memperkasakan perkhidmatan pendidikan silat di Malaysia.

Kata Kunci: Gayung, Seni Mempertahankan Diri, Melayu, PESAKA Malaysia

PENGENALAN

Setiap bangsa di dunia yang mempunyai ilmu peperangan atau ilmu seni mempertahankan diri untuk mempertahankan negara dan empayar yang dikuasainya.

Silat merupakan ilmu seni mempertahankan diri bangsa Melayu sejak zaman dahulu lagi. Sebelum perkataan silat digunakan, seni beladiri orang Melayu dikenali sebagai ilmu hulubalang, ilmu penjurit atau ilmu gagah berani yang menjadi pakaian pahlawan yang di dalamnya mengandungi rahsia ilmu seni perang Melayu tradisi yang mana kaedah ilmu seni beladiri atau seni mempertahankan diri merupakan sebahagian daripadanya (Anuar, 2008).

Silat menjadi lengkap dan dilengkapi dengan institusi pendidikan Melayu tradisi yang dapat dikembangkan dan diperkasakan untuk mengukuhkan budaya dan peradapan bangsa Melayu. Silat mempunyai peranan yang penting dalam melahirkan generasi mahir dalam ilmu seni perang tradisi. Selain itu, silat berperanan membentuk ketahanan masyarakat dengan menanamkan semangat kepahlawanan bagi mempertahankan kedaulatan kerajaan Melayu tradisi.

Budaya kepahlawanan merupakan teras budaya Melayu. Bermula dari pembentukan institusi diraja yang berasal daripada ketua dan pemimpin perang. Para pembesar, pahlawan dan rakyat jelata pandai bersilat kerana ketika itu pertahankan negara terletak di tangan masyarakat. Sehingga hari ini budaya pahlawan masih diamalkan dalam pelbagai upacara adat istiadat seperti pertabalan, majlis rasmi negara, pakaian rasmi, lambang, nikah kahwin pergelaran dan sebagainya. Budaya pahlawan menjadi ikutan cara hidup yang dapat melengkap jiwa bangsa Melayu sebagai bangsa gagah berani.

Pada zaman tradisi, istana merupakan tempat dalam mengembangkan ilmu. Budaya keilmuan yang diamalkan oleh pihak istana menyebabkan Melaka maju (Ismail, 2009). Silat menjadi penting dan pernah diletakkan di bawah perlindungan istana untuk membentuk angkatan perang raja sebagai persiapan untuk mempertahankan negara. Raja-raja Melayu menggalakkan putera dan anak-anak pembesar mempelajari silat dan ilmu-ilmu lain yang sehubungan dengan keperluan perang (Anuar, 2008). Para pendekar dan pahlawan yang handal diangkat mengepalai angkatan perang dan mendapat kurnia dan darjat daripada raja. Sebagai contoh Hang Tuah yang berasal daripada kalangan rakyat jelata telah diangkat kedudukannya sebagai pembesar istana dan menjadi penasihat sultan dalam segala hal kerana kemahiran ilmu kepahlawanan yang dimilikinya.

Walaupun penulisan mengenai ilmu persilatan tidak ditulis secara spesifik dan tidak mempunyai catatan sejarah tetapi boleh dikatakan setiap karya sastera Melayu tradisi berkembang kisahnya adalah mengenai kisah pahlawan dan ilmu kepahlawanannya. Tidak lengkap perwatakan wira dan wirawati pendekar Melayu dalam karya sastera tradisi tanpa kemahiran bersilat.

Amalan pendidikan silat baik secara tradisi mahupun secara moden seperti yang diamalkan pada hari ini adalah mengikut cara masing-masing yang tidak seragam dan rencam penuh rahsia, legenda dan misteri asal usul dengan kaedah masing-masing akan mengundang kehancuran masa depan silat di Malaysia. Seni mempertahankan diri lain lebih bersifat akademik dan tersusun pelajarannya dan diiktiraf oleh negara pewaris bela diri tersebut. Jesteru itu, kurikulum silat yang telus dan setara adalah merupakan satu keperluan bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dan penyelarasan pendidikan silat di peringkat sekolah, pusat pengajian tinggi dan gelanggang silat itu sendiri. Dalam masa yang sama dapat melahirkan masyarakat silat, jurulatih, guru silat, pendekar atau atlit silat yang berdisiplin, sendiri, murni, patriotisme, satria, jati diri dan kewarganegaraan.

Silat telah diiktiraf sebagai seni bela diri rasmi negara dan diwartakan dalam Akta Warisan Negara, maka setiap rakyat Malaysia berhak mempelajari, mengamalkan dan melibatkan diri dalam aktiviti silat. Walau bagaimanapun menjadi persoalan kepada semua pengamal beladiri di Malaysia sama ada semua silat yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan diiktiraf sebagai seni beladiri rasmi Malaysia. Ini kerana terdapat aliran PERSILATan di Malaysia yang berasal dari Indonesia yang dikenali sebagai pencak silat. Indonesia telah mengiktiraf Pencak Silat sebagai seni bela diri asli bangsa

Indonesia. Pencak Silat telah melangkah jauh maju daripada Silat. Atas anjuran Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI), Pencak Silat telah mempunyai cawangan di beberapa negara dunia di bawah organisasi Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT) termasuk di Malaysia yang dikenali sebagai Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA). Maka Malaysia sewajarnya telah menentukan Silat asli versi Malaysia atau silat-silat yang boleh disebut sebagai Silat Malaysia.

Kesan jangka panjang penumpuan pada program pertandingan pencak silat di Malaysia secara langsung akan membantutkan usaha meletakkan aliran silat Melayu di Malaysia sebagai seni bela diri rasmi bangsa Malaysia seperti yang dicatatkan dalam Akta Warisan Negara. Satu usaha menyelamatkan Silat Melayu yakni silat asli tempatan versi Malaysia harus diusahakan. Bagi tujuan tersebut pada 4 April 2002, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (kini Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia) dan Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA Malaysia) telah bersetuju mewujudkan Kurikulum Silat yang dikenali dengan nama Kurikulum Seni Silat Malaysia atau ringkasnya Silat. Kewujudan kurikulum Seni Silat Malaysia adalah satu usaha bertujuan berusaha membangunkan serta menyelamatkan silat Melayu daripada terpinggir dan pupus di negaranya sendiri.

Kertas ini memperlihatkan sumbangan silat kepada warisan dan tamadun Melayu melalui satu sistem pendidikan silat yang bersepadu yang dinamakan Kurikulum Seni Silat Malaysia (Anuar, 2002).

BUDAYA KEPAHLAWANAN

Perkataan *pahlawan* adalah berasal daripada perkataan lawan. Orang yang melawan disebut sebagai pelawan atau pahlawan. Perkataan pahlawan secara khususnya bermaksud seseorang yang berkesanggupan melawan kerana mempertahankan maruah diri, bangsa, keluarga, harta, agama dan negara. Perkataan ini juga adalah khusus kepada golongan tentera dan polis yang terlibat secara langsung menjaga keselamatan masyarakat dan mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara di medan peperangan. Secara umum perkataan pahlawan bermaksud kepada sesiapa sahaja yang berbakti dalam apa jua bentuk untuk negara seperti pemimpin, pemikir, perancang, pedagang, penulis, pendidik, karyawan dan seumpamanya.

Seseorang yang dianggap pahlawan mestilah mempunyai ilmu dan kemahiran silat serta memiliki semangat juang, gagah dan berani untuk menghadapi sebarang bentuk cabaran secara fizikal, mental atau spritual. Sebagai contoh seseorang pendekar, hulubalang, penjurit atau askar yang terlibat dalam pasukan pertahanan negara harus sanggup berlawan, bertarung atau bertempur dengan musuh hingga ke titisan darah yang terakhir bagi mempertahankan kedaulatan negara. Oleh hal yang demikian, kepada orang Melayu, silat ialah ilmu kepahlawanan. Silat melahirkan pahlawan yang bukan sahaja untuk tujuan mempertahankan negara dalam konflik di serantau, tetapi telah terlibat membantu negara sekutunya. Misalannya kerajaan Melayu Campa telah menghantar perwira-perwiranya dalam beberapa peperangan seperti ke Kalimantan, Majapahit dan Minangkabau di Sumatra (Ismail, 2003).

Sejarah Melayu jelas menunjukkan terdapat pahlawan-pahlawan melayu yang mahir bersilat sebagai orang perang dalam kerajaan Melaka, Terengganu dan Pahang. Melalui Hikayat Hang Tuah (Ahmad, 1971), Hang Tuah lima bersaudara menjadi tunggak kebangkitan dan kekuatan Melaka mengatasi Majapahit, Terengganu dan Pahang. Pahlawan-pahlawan Melayu dikenali dalam sejarah terutamanya Dol Said, Dato Bahaman, Mat Kilau dan Tok Gajah kerana kehandalan bersilat dan berperang. Di sini jelas menunjukkan bahawa silat bukan sahaja mengutamakan unsur persilatan tetapi mementingkan unsur peradaban Melayu (Soh, 1991). Kehebatan watak dan

budaya pahlawan menjadi tema dalam karya sastera tradisi seperti Hikayat Hang Tuah, Hikayat Awang Sulung Merah Muda, Sulalatus Salatin, Hikayat Raja Pasai dan lain-lain lagi.

Budaya kepahlawanan merupakan teras kepada kebudayaan Melayu. Pembentukan pemerintahan institusi diraja berasal daripada ketua dan pemimpin perang. Para pembesar, pahlawan dan rakyat adalah mereka yang pandai bersilat dan mewarisi darah kepahlawanan dan dalam mempertahankan kerajaan. Dalam susun lapis Melayu tradisi, golongan pahlawan adalah di bawah golongan bangsawan dan raja yang menduduki hirarki tertinggi pemerintahan. Dalam hirarki yang telah ditetapkan dan diterima masyarakat ketika itu, rakyat boleh diterima menjadi golongan pahlawan dan memperolehi pelbagai kurnia dan gelaran daripada raja sebagai langkah permulaan menempatkan diri menjadi golongan bangsawan. Oleh sebab itu setiap pahlawan mestilah memiliki ilmu pesilatan atau ilmu seni perang yang tinggi bagi membolehkan mereka memimpin angkatan perang diraja bagi menjamin keselamatan negara. Pahlawan adalah golongan yang bertanggung jawab kepada keselamatan negara. Pahlawan Melayu memiliki kemahiran bersilat dan ilmu seni perang. Oleh sebab itu ilmu silat amat dirahsiakan daripada pengetahuan umum agar tidak disalahgunakan oleh mereka yang tidak bertanggung jawab atau terlepas ke tangan musuh. Ketika guru silat mendapat perlindungan istana, ilmu silat hanya diperturunkan kepada kaum keluarga terdekat, putera puteri raja, golongan bangsawan dan mereka yang menganggotai angkatan perang diraja mengikut peringkat dan jawatannya.

Pendidikan silat tertumpu pada usaha melahirkan pahlawan atau orang perang raja. Pendidikan tersebut secara langsung melahirkan masyarakat pahlawan yang mengamalkan cara hidup atau budaya pahlawan, secara langsung membentuk sosio budaya Melayu tradisi. Sosio budaya Melayu ialah amalan yang berupa gaya hidup dan peradaban bagi bangsa Melayu yang lahir dari pegangan dan kecenderongan diri masyarakat Melayu dalam berbagai bidang kehidupan untuk memberi kepuasan dan merangsang pembangunan hidup bangsa Melayu itu sendiri. Budaya pahlawan menjadikan bangsa Melayu mempunyai keyakinan, keberanian, pengasih, jati diri yang tinggi dan kesetiaan kepada negara yang tidak berbelah bagi. Pada umumnya orang Melayu bersifat dan berwatak sederhana dan periang, tetapi amat beradab, berbudi bahasa, sopan santun dan suka bergotong royong, bijaksana dan setia kawan dengan menghormati kawan dan lawan. Oleh sebab itu bangsa Melayu berupaya bersaing dalam arus perkembangan bangsa besar dunia. Tanpa pendidikan silat pada zaman itu, bangsa Melayu tidak berupaya mempertahankan ketuanan dan tamadunya.

Pada abad ke 21 silat berkembang terus dalam masyarakat Melayu walaupun tidak lagi dinaungi oleh istana. Warisan ilmu seni perang Melayu atau silat diteruskan di bawah para guru silat, maka wujudlah kumpulan dan nama-nama perguruan silat. Walau bagaimanapun masih terdapat ciri kesamaan. Perbezaan antara perguruan adalah bertujuan pada pembentukan identiti perguruan, konsep, keperluan dan kemahiran guru. Penyebaran silat dalam alam pendidikan di Tanah Melayu tidak dikembangkan oleh penjajah Inggeris seperti mana ilmu lain dalam kurikulum sekolah Melayu. Rasa kebimbangan mereka terhadap semangat juang Melayu berputik daripada pelajaran silat. Silat tidak mendapat tempat dalam sejarah kurikulum pendidikan di perguruan Melayu di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim (Saleh, 1974). Justeru, ilmu persilatan Melayu terpinggir dalam institusi pendidikan formal di sekolah-sekolah ketika itu. Silat hanya memasuki alam pendidikan secara tidak formal atau bertaraf ko-kurikulum selepas pembentukan Malaysia (1963). Melalui persatuan silat di sekolah, silat semakin diberikan perhatian selepas tahun 1969 iaitu setelah berlakunya peristiwa 13 Mei dalam tahun yang sama (Ismail, 2003).

Pada tahun 2002 terdapat usaha mewujudkan kurikulum silat untuk membantu Jurulatih Silat membangunkan Silat Seni di sekolah-sekolah di Malaysia telah diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, kesenian dan Warisan Malaysia

(KeKKWA) dan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama PESAKA Malaysia. Kurikulum silat ini telah disampaikan kepada lebih daripada 200 orang guru silat dari pelbagai perguruan silat di Malaysia. Tiga puluh tiga orang peserta telah tamat kurikulum silat Tahap Menengah peringkat lima dengan Bengkung Merah. Tokoh yang bertanggung jawab mengasas dan menyusun kurikulum silat tersebut ialah Tuan Guru Haji Anuar bin Abdul Wahab. Kurikulum silat ini adalah berdasarkan kandungan pelajaran silat Melayu yakni silat asli tempatan versi Malaysia, merupakan yang pertama dihasilkan di Malaysia dan dalam dunia persilatan Melayu lalu dinamakan sebagai Kurikulum Seni Silat Malaysia.

SILAT MELAYU

Silat atau seni bela diri Melayu telah berhamburan bersama penghijrahan rumpun bangsa Melayu ke merata pelusuk alam Melayu. Nama seni bela diri Melayu telah digabungkan dengan nama puak, suku, daerah atau negeri. Misalannya orang Minangkabau di Minangkabau lebih suka menamakan seni bela dirinya sebagai silat Minangkabau. Namun dalam silat Minangkabau terdapat beberapa nama silat mengikut daerah seperti silat Teralak, silat Kumango, silat Pengian, silat Lintau dan lain-lain. Demikian juga dengan silat Jawa, silat Bugis, silat Aceh dan lain-lain. Silat Melayu tradisi atau silat Melayu asli pada umumnya ialah merujuk kepada seni bela diri yang diamalkan oleh orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Silat Melayu telah berkembang kepada beberapa kumpulan silat. Ada yang berjaya, ada yang telah pupus kerana tiada waris yang berupaya menyambung tugas meneruskan kumpulan tersebut. Aliran Silat Melayu di Semenanjung telah berkembang kepada beberapa perguruan seperti Silat Melayu asli, Silat Patani, Silat Jawi, Silat Kedah, Silat Seri Patani, Gayung Fatani, Silat Bunga, Silat Harimau dan yang serumpun dan yang sebenih dengannya.

Di Malaysia masih terdapat beberapa kumpulan atau perguruan silat yang mengamalkan silat Melayu dan mengekalkan ciri-ciri keaslian asalnya. Silat Melayu masih tulen dan bebas dari paduan, gabungan atau campuran dengan mana-mana aliran seni bela diri bukan silat. Perbezaan nama kumpulan dalam silat Melayu berlaku disebabkan keperluan pendaftaran dan pengenalan kumpulan sewaktu persembahan atau pertandingan silat. Antara kumpulan yang paling berjaya ialah Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSGFM). Kejayaan utama, selama 30 tahun, PSGFM berjaya menempatkan silat Melayu bertaraf ahli badan pendiri PESAKA Malaysia dan dapat mengembangkan silat Melayu ke seluruh negara dan beberapa negara di peringkat antarabangsa. Di dalam perguruan silat Seni Gayung Fatani sendiri terdapat beberapa kumpulan silat yang dipimpin oleh guru silat yang memperturunkan ilmu silat secara pendidikan silat tradisi gelanggang bangsal dan isi kandungan pelajaran silatnya adalah sama. Perbezaannya ialah setiap guru menggunakan Bunga Sembah, Lela Sembah atau Tari Silat membezakan sebagai salam pengenalan kepada kumpulannya. Namun perhubungan antara kumpulan dan guru amat baik dan akrab melalui aktiviti persembahan dan permainan tradisi silat pulut atau gayung pulut. Oleh sebab amalan dan isi kandungan pelajaran silat dan amalan sukan yang sama, maka usaha menterjemahkan ilmu silat Melayu dan mewujudkan Kurikulum Silat menjadi mudah.

Silat Melayu yakni silat tempatan secara langsung menjadi silat asli versi Malaysia yang pernah disebutkan sebagai ibu gayung atau ibu silat yakni sumber silat di alam Melayu. Makna ibu gayung secara khusus ialah ilmu pukulan atau mematahkan serangan dari jauh secara sentuh atau tanpa sentuhan. Tanggung jawab untuk menjadikan silat satu nama dan satu ilmu menjadi mudah kerana Silat Melayu bersifat lengkap pada zahir dan batinnya. Silat Melayu yakni silat asli tempatan bersifat lengkap dapat mewujudkan Kurikulum Silat dengan kandungan pelajaran silat pada zahir dan batinnya tulen yakni bebas dari paduan, ambilan, gabungan dari campuran demi masa

depan silat. Pelajaran silat pada zahirnya ialah meliputi ilmu dan kemahiran silat meliputi aspek seni bela diri, sukan dan muzik silat baku Malaysia. Pelajaran silat pada batinnya ialah ilmu dan amalan kerohanian di dalam persilatan Melayu. Oleh sebab ditakrifkan bahawa Melayu pada Perkara 160 (2) Perlembagaan Malaysia ialah mereka yang mengamalkan budaya Melayu, bahasa Melayu dan beragama Islam. Maka kerohanian Silat Melayu adalah berdasarkan kerohanian Islam dan amalan budaya silat yang tidak bercanggah dengan akidah Islam.

PERSEKUTUAN KEBANGSAAN MALAYSIA (PESAKA MALAYSIA)

Selama lebih kurang 35 tahun (1983-2015) PESAKA Malaysia menjadi anggota pendiri PERSILAT atau cawangan di Malaysia telah berjaya mengukuhkan pencak silat di Malaysia dan kerjasama di peringkat antarabangsa. Pelbagai program dijalankan oleh PESAKA dengan bantuan beberapa kementerian seperti kursus, bengkel, pusat cemerlang, bantuan kewangan dan teknikal dan seminar bagi melahirkan ramai pengamal pencak silat, mengukuhkan perguruan dari aliran pencak silat, jurulatih dan wasit juri pencak silat, pertandingan pencak silat peringkat kebangsaan, sukan SEA dan antarabangsa.

Tindakan dan usaha PESAKA Malaysia tidak perlu dipersoalkan. Ini adalah kerana sebagai anggota pendiri PERSILAT, usaha badan sukan ini adalah membangunkan pencak silat amat wajar dihormati sebagaimana seni mempertahankan diri yang lain seperti taekwondo, karatedo, jodo, silambam, kalaripayat, tomoi dan wusyu di Malaysia. Sekiranya mereka mempelawa untuk bekerjasama atau menyertai pertandingan mereka apa salahnya.

Jesteru itu, soal membangunkan silat Melayu yakni silat asli tempatan versi Malaysia tidaklah menjadi agenda utama organisasi silat ini. Sekiranya tiada tindakan diambil, lama-kelamaan Malaysia tidak lagi mempunyai silat asli yang boleh dianggap sebagai seni bela diri asli bangsa Malaysia kerana pencak silat telah pun diiktiraf sebagai seni bela diri asli bangsa Indonesia.

KURIKULUM SENI SILAT MALAYSIA

Silat adalah hak milik bangsa Melayu. Silat asli versi Malaysia mempunyai sejarah dalam jatuh bangun bangsa Melayu. Sekiranya tiada usaha untuk menterjemahkannya dalam bentuk kurikulum, rahsia ilmu silat tidak dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Jesteru itu, kurikulum Seni Silat Malaysia wajar berdasarkan silat asli tempatan atau silat Melayu versi Malaysia yang tulen dan tidak terpengaruh dengan pencak silat atau seni mempertahankan diri dari luar. Kurikulum Silat tidak menggabungkan, memadu atau menciplak daripada mana-mana aliran perguruan seni pencak silat, seni beladiri atau seni mempertahankan diri lain. Tujuannya ialah untuk mengelakkan masalah hak cipta kerana kebanyakan aliran seni pencak silat, seni beladiri atau seni mempertahankan diri telah mempunyai pendaftaran di negara asalnya

Kurikulum bermaksud bidang pelajaran di sekolah, di maktab atau di pusat pengajian tinggi. Kurikulum Silat pula bermakna isi kandungan pelajaran dalam bidang ilmu silat yang menjadi keperluan pada perkhidmatan pendidikan silat yang terdiri daripada seni, beladiri, sukan, budaya, dan kerohanian. Ilmu, amalan dan kemahiran silat disusun bagi membentuk Sukatan Pendidikan Silat.


Kurikulum Seni Silat Malaysia adalah berdasarkan isi kandungan pelajaran silat Seni Gayung Fatani yang merupakan perguruan silat yang terus mengekalkan keaslian Silat Melayu iaitu silat asli tempatan atau Seni Silat Melayu tradisi Semenanjung dari yang serumpun dan sebenih dengannya yang dikenali sebagai Silat Pulut atau Gayung

Pulut. Kurikulum baru Pertubuhan Seni Gayung Fatani amat sesuai dijadikan contoh membina Kurikulum Silat Melayu kerana apa yang terdapat dalam Kurikulum Baru Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSGFM) memang terdapat dan diamalkan di dalam silat-silat tempatan, khususnya aliran Silat Melayu (Anuar, 2008).

PROGRAM PENGEMBANGAN KURIKULUM SENI SILAT MALAYSIA

Program pembangunan silat (Kertas Konsep Pelaksanaan Pembangunan Silat, 2002) di sekolah-sekolah adalah merupakan perancangan 15 tahun yang terbahagi kepada tiga fasa iaitu Fasa 1 (2002-2005), Fasa 2 (2006-2011) dan Fasa 3 (2012-2015) dalam usaha kerajaan membangunkan silat dan pertandingan silat seni di sekolah-sekolah Malaysia. Gambar rajah 1 menunjukkan perancangan pelaksanaan pembangunan silat di sekolah-sekolah dalam usaha semua pihak yang bertanggungjawab membantu pembangunan silat di Malaysia. Penganjuran ini melibatkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (Anuar, 2008). Manakala penyelarasan dan pemantauan program ini dilakukan oleh Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri dan PESAKA negeri. Pengelola program pembangunan silat ini diterajui oleh Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri dan sekolah-sekolah yang terpilih (pihak PESAKA negeri juga terlibat secara tidak langsung melalui penglibatan ahli mereka yang menjadi guru-guru sekolah).


Gambar Rajah 1. Perancangan Pelaksanaan Pembangunan Silat Di Sekolah-Sekolah (Kertas Konsep Pelaksanaan Pembangunan Silat di Sekolah-Sekolah, 2002).



Gambar rajah 2 pula menunjukkan matlamat program pembangunan silat di sekolah-sekolah. Objektif utama Kurikulum Silat ialah membolehkan seluruh pelajar

sekolah dari berbagai bangsa, budaya, jantina dan kepercayaan dapat mempelajari silat, mengamalkan dan mengikuti aktiviti silat dengan yakin tanpa was-was. Pihak Kementerian mengharapkan agar seni silat yang disampaikan oleh para jurulatih silat yang mengajar silat di peringkat sekolah menggunakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran silat yang setara dan telus serta dapat membina integrasi, perpaduan dan nilai-nilai murni silat yang dapat diterapkan di kalangan bangsa Malaysia seawal di peringkat bangku sekolah lagi.

Gambar Rajah 2. Matlamat Program Pembangunan Silat Di Sekolah-Sekolah (Kertas Konsep Pelaksanaan Pembangunan Silat Di Sekolah-Sekolah, 2002).



ASAS KURIKULUM SENI SILAT MALAYSIA

Kurikulum Seni Silat Malaysia merupakan kurikulum Silat Melayu yang pertama memperturunkan dan mengekalkan keaslian Silat Melayu. Ilmu Silat Melayu yang menjadi asas kepada kurikulum ini adalah berasaskan kepada 2 pelajaran utama iaitu Bunga Silat dan Tapak Empat.

- a. Bunga Silat berfungsi membentuk gerakan asas seperti langkah, kuda-kuda, limbai tangan dan lengguk badan yang menjadi dasar kepada pembinaan Jurus, Belebat, Tapak dan Buah Pukul silat.
- b. Tapak Empat sebagai dasar memperturunkan kaedah Tempur Silat yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu Tempur Seni (Tapak Empat) dan Tempur Beladiri. Dalam Tempur Seni terdapat langkah Tapak Empat pada empat penjuru (langkah di Tapan atau lorong Medan Laga), langkah Melilit, Galah Panjang dan serang bela. Olah sebab Silat Melayu berdasarkan ilmu seni perang, maka serang dan sambut adalah berasaskan senjata. Tiga bentuk Serang Seni iaitu tikam, parang dan tetak. Tujuh Sambut Seni yang berasaskan tangkap iaitu Sekat, Sentak, Kedu, Tindih, Sisip, Sagang dan Potong melangkah.


Kurikulum silat dapat memberi peluang kepada masyarakat mempelajari ilmu persilatan Melayu yang tersusun dan terancang. Pendidikan silat sama ada di sekolah dan institusi pengajian tinggi misalnya memberi peluang kepada semua pelajar dari pelbagai kaum, kepercayaan dan budaya dapat mempelajari seni mempertahankan diri bangsa Malaysia ini, mengamalkan dan mengikut aktiviti silat dengan yakin tanpa was was.

SUKATAN SENI SILAT MALAYSIA

Kurikulum Silat Seni Silat Malaysia membentuk Sukatan Pelajaran, Rancangan Mengajar, Pengajaran dan Pembelajaran dan Ujian Penilaian Silat yang setara dan telus (Gambar rajah 3). Kurikulum ini membahagikan sukatan pelajaran silat kepada tujuh peringkat dan setiap peringkat terdiri daripada tujuh tajuk. Peringkat Dasar iaitu 2 peringkat iaitu Peringkat Satu memakai Bengkung Putih sebagai Anak Gelanggang dan Peringkat Dua Bengkung Biru sebagai Pesilat Remaja. Peringkat Menengah iaitu Peringkat Tiga, Bengkung Perang sebagai Pesilat Perkasa, Peringkat Empat, Bengkung Kuning sebagai Pesilat Muda dan Peringkat Lima, Bengkung Hijau sebagai Pesilat. Peringkat Tinggi iaitu Peringkat Enam, Bengkung Merah sebagai Pendekar Muda dan Peringkat Tujuh, Bengkung Hitam sebagai Pendekar (Gambar rajah 4).

Tujuh tajuk yang diperturunkan pada setiap peringkat adalah Bunga Silat, Jurus Silat, Belebat Silat, Tapak Silat, Buah Silat, Tempur Seni dan Tempur Beladiri. Tujuh tajuk ini disampaikan secara berurutan pada Tujuh Peringkat (Gambar rajah 5) kerana setiap perkara tersebut terdapat tajuk-tajuk yang penting dalam membina kemahiran pada Tujuh Peringkat. Pendidikan silat membentuk nilai-nilai murni merentas Kurikulum Silat. Tujuh Tajuk pada Tujuh Peringkat mengembangkan nilai-nilai murni melalui pengajaran dan pembelajaran harian latihan. Tujuh nilai-nilai murni pokok iaitu Disiplin, Kendiri, Murni, Patriotisme, Satria, Jati Diri dan Kewarganegaraan. Maka Pendidikan Silat bersepadu (Kamis, 1993) merupakan transformasi pendidikan silat tradisi kepada Kurikulum Seni Silat Malaysia (Tujuh Tajuk pada Tujuh Peringkat) yang dapat melahirkan masyarakat pandai silat atau pendekar yang memiliki nilai jati diri dan kewarganegaraan (Gambar rajah 6 dan 7).

Gambar Rajah 3. Pendidikan Silat Melayu Tradisi Menjadi Dasar Kurikulum Seni Silat Malaysia (Anuar, 2008).



Gambar Rajah 4. Tahap Dan Peringkat Sukatan Pelajaran Dalam Seni Silat Malaysia (Anuar, 2008).

Tahap	Peringkat	Bengkung	Gelaran Tamat
Dasar	Satu	Putih	Anak Gelanggang
	Dua	Biru	Pesilat remaja
Menengah	Tiga	Perang	Pesilat Perkasa
	Empat	Kuning	Pesilat Muda
	Lima	Hijau	Pesilat
Tinggi	Enam	Merah	Pendekar Muda
	Tujuh	Hitam	Pendekar


Gambar Rajah 5. Tahap Dan Peringkat Sukatan Pelajaran Dalam Seni Silat Malaysia (Anuar, 2008).

PERINGKAT							
TAHAP	DASAR		MENENGAH			TINGGI	
Peringkat / Tajuk	1	2	3	4	5	6	7
	Anak Gelanggang	Pesilat Remaja	Pesilat Perkasa	Pesilat Muda	Pesilat	Pendekar Muda	Pendekar
BUNGA	SATU 7 Gerak	DUA 15 Gerak	TIGA 15 Gerak	EMPAT 15 Gerak	LIMA 20 Gerak	ENAM 20 Gerak	TUJUH Gerak Seni
JURUS	7 Gerak	15 Gerak	15 Gerak	15 Gerak	20 Gerak	Senjata	Tanpa dan Bersenjata
BELEBAT	Sangga	Tampan	Elak	Tangkis	Tangkap	Potong	Aplikasi gabungan
TAPAK	Tunggal Satu	Selari	Empat	Tiga	Lingkar Bulat	Lim a	Kepelbagai gabungan tapak
BUAH	Asas	Kemahiran	Selapis	Berangkai	Berlapis	Senjata Berseli	Tanpa dan senjata
TEMPUR SENI	Asas Persembahan	Asas Tapak Empat	Buah Seni Selapis	Buah Seni Berlapis	Rangkai Berlapis	Gelut Seni senjata	Silat Melayu
TEMPUR BELADIRI	Tempur Searah	Tempur Selari	Elak Berangkai	Tangkis Berlapis	Gelut Berseli	Tempur dan gelut silat	Seni dan Bela Diri

Gambar Rajah 6. Pendidikan Silat Bersepadu Dengan Tujuh Pokok Nilai Murni (Anuar, 2008).

Tajuk/ Unsur	PERINGKAT						
	DASAR		MENENGAH			TINGGI	
	1 Anak gelang- gang	2 Pesilat Remaja	3 Pesilat Perkasa	4 Pesilat Muda	5 Pesilat	6 Pendekar Muda	7 Pendekar
BUNGA	DISIPLIN	Hormat	Sabar	Tenang	Waspada	Kemas	Keterampilan
JURUS	Yakin	KENDIRI	Patuh	Seimbang	Jujur	Positif	Tegas
BELEBAT	Kasih	Sayang	IKHSAN	Tanggung jawab	Iman	Berdikari	Kreatif
TAPAK	Amanah	Mesra	Usaha	PATRIO TISME	Takwa	Ikhlas	Inovatif
BUAH	Bakti	Cekal	Cekap	Harmoni	SATRIA	Kerja- sama	Dinamik
TEMPUR SENI	Rajin	Gigih	Sopan	Luhur	Teliti	JATI DIRI	Bijaksana
TEMPUR BELADIRI	Benar	Berani	Tangkas	Setia	Pimpinan	Karisma	KEWARGA NEGARAAN

Gambar Rajah 7. Sukatan Pelajaran Tujuh Tajuk Pada Tujuh Peringkat Dalam Seni Silat Malaysia (Anuar, 2008).



Gerak silat yang diamalkan dalam Kurikulum Seni Silat Malaysia ialah berasaskan gerak manusia sendiri iaitu secara ukuran geometri, sebagai contoh gerakan ayun tangan dan langkah adalah berasaskan ukuran geometri. Manakala gerakan ayun tangan yang membentuk Limbai untuk tujuan serang bela dan sambut adalah berbentuk lurus, separuh bulatan atau bulatan. Gerakan kaki yang membina langkah, tapak dan kuda-kuda adalah mengikut ukuran sudut geometri. Ini bermakna gerakan silat ini bebas daripada meniru gerak binatang, huruf, lagenda, mitos dan sebagainya kerana mengekalkan keaslian adalah merupakan seni mempertahankan diri orang Melayu.

Pendidikan silat memberi kesedaran bahawa menjaga keselamatan diri adalah tanggungjawab yang wajib ada setiap individu. Di samping itu juga ia dapat melahirkan insan seimbangan dengan nilai-nilai murni seperti benar, amanah, disiplin, kasih, bakti, rajin dan yakin yang dapat mempertahankan diri daripada sebarang pengaruh negatif yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri.

SUMBANGAN KURIKULUM SILAT KEPADA WARISAN DAN TAMADUN MELAYU

Anuar (2008) menyatakan bahawa Silat adalah merupakan seni mempertahankan diri orang Melayu yang telah dicipta dan diamalkan sejak lebih 2,500 tahun yang lepas. Orang-orang Melayu kenal apa itu silat dan tahu bersilat. Tidak timbul soal pencipta silat melainkan wujud penggubah atau penyusun ilmu silat untuk keperluan sesuatu kumpulan atau perguruan. Kurikulum silat adalah usaha membangunkan silat dengan menggunakan satu sistem pendidikan silat yang mudah untuk difahami oleh masyarakat (sama ada di Malaysia atau antarabangsa) dan lebih teratur. Kurikulum ini dapat memudahkan para guru dan jurulatih silat memberikan perkhidmatan yang mempunyai piawaian kerana kandungan pelajaran silat telah disusun sesuai dengan kematangan dan keupayaan pelajar.

Berikut adalah sumbangan yang dapat diberikan oleh silat setelah pembentukan Kurikulum Seni Silat Malaysia kepada Warisan dan Tamadun Melayu:

1. **Kurikulum silat mengembangkan istilah dan ilmu Bahasa Melayu sebagai bahasa pahlawan.** Silat mengembangkan istilah, sebagai contoh serangan tangan seperti tumbuk anduh, sadak, rejam, retat, sauk, ceduk, rejang, rejuk dan sebagainya, Serangan kaki seperti tendang, sepak, terajang dan depak. Daripada aspek Bahasa pula, silat menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama atau komunikasi sama ada di peringkat negara dan antarabangsa. Maka, kehilangan silat dalam budaya ilmu (peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi) bermakna kehilangan istilah dan bahasa silat (warisan Melayu) dalam Bahasa Malaysia. Jesteru itu, pengekalan ilmu Bahasa Melayu dalam Kurikulum Seni Silat Melayu memberikan sumbangan yang tidak ternilai kepada warisan dan tamadun Melayu seperti mana dilakukan oleh seni mempertahankan diri yang lain seperti taekwondo (Bahasa Korea), aikido, karate, ju-jitsu (Bahasa Jepun) dan muay thai (Bahasa Thailand).
2. **Kurikulum silat menekankan pendidikan adat dan adab.** Adat ialah peraturan, hukum atau lembaga yang lazim dipakai sejak dahulu meliputi sopan santun, budi bahasa dan nilai-nilai positif yang diamalkan dan telah menjadi kebiasaan kepada sesuatu bangsa secara tidak bertulis. Sebagai contoh terdapat adat dalam silat seperti adat berguru, adat menjadi guru, adat gelanggang, adat bertamat, adat bermain silat pulut, adat bergendang dan sebagainya. Adat tersebut mengatur sosio budaya silat yang ada hubungannya dengan sosio budaya Melayu dalam membentuk pesilat dan masyarakat menjadi bangsa yang baik dan bertamadun.
3. **Kurikulum silat meningkatkan silat sebagai ilmu yang dapat membentuk watak dan perwatakan ke arah menjadi satu bangsa yang cintakan ilmu silat.** Para pendekar yang cintakan ilmu belajar sepanjang hayat dan mengamalkannya dengan yakin seperti mana Hang Tuah menuntut ilmu daripada Sang Aria Putera, Sang Persata Nala, Syeikh Mansur (Ismail, 2008) dan mengetahui berbagai Bahasa. Jesteru itu, pendekar pada zaman ini juga harus memiliki ilmu dan kemahiran yang sesuai dengan zaman bagi memantapkan disiplin ilmu persilatan. Secara tidak langsung, pendidikan silat mengarah masyarakat berbudaya ilmu.
4. **Kurikulum silat menyumbang kepada hasil seni rakyat seperti gerak, tari, muzik dan teater.** Seni gerak silat dapat meningkat gerak dan kaedah seni mempertahankan diri dengan unsur-unsur keindahan dengan gerak tubuh manusia. Silat menyumbang kepada gerak tari Melayu kerana silat terdiri daripada langkah, kuda-kuda, lengguk, limbai dan ayun tangan. Silat menggunakan muzik tersendiri yang kini dikenali dengan nama muzik silat baku yang mana hanya digunakan untuk tujuan silat. Gendang Silat digunakan sebagai gendang perang dan nobat. Sumbangan silat dalam teater sama ada bangsawan, drama dan sebagainya seperti mana adegan pertarungan dalam budaya Melayu, sebagai contoh babak pertarungan Hang Tuah dan Hang Jebat memerlukan pelakon yang pandai bersilat dalam menjadikan pementasan teater atau lakonan yang bermutu tinggi. Kaedah yang logik pada silat yang dipaparkan oleh pelakon amat penting dalam membantu mutu lakonan. Pendidikan silat di peringkat sekolah misalnya amat membantu pelajar mencintai silat sebagai hasil seni bangsa Malaysia melalui persembahan atau pertandingan Silat Seni (kategori solo bersenjata atau tidak bersenjata, berpasangan sama ada bersenjata atau tidak bersenjata serta acara berkumpul tiga hingga lima orang). Silat Seni menampilkan persembahan silat pada aspek seninya.

5. **Kurikulum Silat merupakan institusi tradisi ilmu bangsa Melayu yang telah menyumbang kepada sosio budaya bangsa Malaysia.** Keupayaan seni mempertahankan diri Melayu ini tidak dapat dipertikaikan kerana selama ini silat berupaya menarik minat sama ada di kalangan bangsa Melayu mahupun bukan Melayu (masyarakat antarabangsa) mempelajari, mengamal dan mengikuti aktiviti silat dengan setia dan yakin. Kejayaan ini merentas budaya, bahasa, masyarakat, kepercayaan, sempadan negara dunia membuktikan seni silat dapat menyumbang kepada tamadun dan peradaban manusia.
6. **Kurikulum silat memupuk nilai-nilai murni berteraskan seni budaya Melayu dan Islam.** Para pesilat bukan Islam harus menghormati nilai tersebut. Nilai pendidikan kerohanian dalam silat melahirkan insan sebagai pendekar silat yang seimbang pada zahir dan batinnya atau dari aspek amalan dunia dan akhirat. Silat Melayu iaitu merujuk kepada Silat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu adalah berlatarkan Islam. Bermakna Silat Melayu menjadikan Islam sebagai pembentukan rohani, yang mana bererti sebarang amalan yang tidak sejajar dengan Islam bersandarkan dengan Al Quran dan Sunnah Rasulullah bukan urusan Kurikulum Silat.
7. **Kurikulum silat membuktikan silat merupakan seni mempertahankan diri terbaik di dunia** apabila menarik perhatian ramai pihak termasuklah pakar-pakar akademik dan bukan akademik seni beladiri dunia di Kongres Saintifik Ketiga Sedunia Sukan Kombat dan Seni Mempertahankan Diri yang berlangsung di Rzeszow, Poland pada Oktober 2014. Penampilan silat berdasarkan Kurikulum Seni Silat Malaysia telah mendapat piala persembahan terbaik yang disertai oleh 26 negara dari 5 benua dunia. Di samping itu juga, Dr. Mohamad Nizam Mohamed Shapie telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja silat serta membuat bengkel silat kepada pakar-pakar dan peminat-peminat beladiri dari seluruh dunia (Pawelec et al., 2014). Daripada acara-acara itulah beberapa negara di dunia sedia menerima silat dikembangkan di negaranya seperti Britain, Turki, Khazakstan dan Itali.
8. **Mengukuhkan budaya Melayu** seperti pakaian Melayu, senjata tradisi, muzik silat baku dan permainan tradisi rakyat seperti silat pulut, silat jatuh dan sebagainya (Anuar, 2008). Kurikulum silat memupuk masyarakat cergas dan cerdas kerana silat menggunakan gerak anggota sebagaimana senaman (Anuar, 1992), permainan (Anuar, 1992) dan sukan (Anuar, 1987; Anuar, 1993). Dalam hal tersebut pendidikan silat dapat menyedarkan masyarakat daripada terjebak amalan budaya kuning yang bertentangan dengan adat dan agama seperti pergaulan bebas, arak, dadah, judi, seks bebas, rasuah, mencuri, merosakkan harta awan dan lain-lain.

Kurikulum Seni Silat Malaysia telah disampaikan hingga peringkat Pendekar Muda kepada 33 orang Guru Silat dan Jurulatih Kanan Silat daripada berbagai aliran perguruan melalui kursus jurulatih (Anuar, 2008). Adalah disarankan kepada kumpulan, aliran perguruan silat dan institusi pengajian tinggi agar menerima, mengamalkan dan membangunkan Kurikulum Silat demi masa depan pembangunan dan perkembangan silat. Kurikulum Silat merupakan satu keperluan yang dapat memertabatkan silat sebagai ilmu yang dapat membantu kerjaya perkhidmatan pendidikan silat yang berperanan kepada sosio budaya Malaysia.

Kurikulum silat mengekalkan ilmu, amalan, kemahiran dan keaslian Silat Melayu iaitu seni silat Melayu tradisi Semenanjung Tanah Melayu dari yang serumpun dan sebenih dengannya dalam makna dan fungsi yang lebih luas. Silat bukan semata-mata

menumpu kepada seni, bela diri, sukan, muzik silat baku, seni persembahan, kecergasan dan sebagainya, tetapi silat dapat menyumbang kepada sosio budaya dan mengangkat manusia sebagai pendekar yang seimbang pada zahir dan batin dengan amalan untuk dunia dan akhirat.

Kurikulum Seni Silat Malaysia telah mewujudkan silat versi Malaysia sesuai dengan Malaysia sebagai negara silat dan menjadikan silat sebagai seni mempertahankan diri bangsa Malaysia serta sumbangan bangsa Melayu kepada tamadun dunia.

RUJUKAN

- Ahmad, K. (1973). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anuar, A.W. (1987). *Silat Olahraga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anuar, A.W. (1992). *Teknik dalam Seni Silat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anuar, A.W. (1993). *Silat Olahraga (edisi kedua) The art, technique and regulations*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anuar, A.W. (2002). *Pendidikan dan Nilai-nilai Murni dalam Seni Silat, Tahap 1, Seni Silat Malaysia Untuk Jurulatih. Kertas Konsep dan Perlaksanaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Anuar, A.W. (2008). *Silat. Sejarah perkembangan kurikulum silat Melayu tradisi dan pembentukan kurikulum Silat Malaysia moden*. Bandar Baru Bangi, Selangor: Hizi Print Sdn Bhd.
- Ismail, A.R. (2003). *Seni Silat Melayu dalam zaman tradisi dan moden: Kajian berdasarkan teks melayu klasik dan amalan masa kini*. Tesis sarjana. Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.
- Ismail, A.R. (2009). *Seni Silat Melayu: Sejarah perkembangan dan budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamis, A. (1993). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Pandangan dan Maklum Balas*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kertas Konsep Pelaksanaan Pembangunan Silat di Sekolah-Sekolah (2002). Kuala Lumpur. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Pewelec, P., Słopecki, J., Sieber, L. & Rut, P. (2015). Scientific and martial arts' tourism. The case study of the 3rd IMACSSS International Conference and Congress. *Ido Movement For Culture. Journal of Martial Arts Anthropology*, 15 (1), pp. 46–56.
- Soh, T.I.T. (1991). *Silat Sekebum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh, A.H. (1974). *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaysia Zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.